

# Kerajaan terus gigih bendung pandemik

## Peratusan jangkitan jauh lebih rendah berbanding negara maju: PM

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Mohamed Farid Noh dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Pagoh:** Tan Sri Muhyiddin Yassin menyangkal tanggapan segelintir masyarakat yang mendakwa kerajaan tidak bersungguh-sungguh menangani wabak COVID-19 di negara ini.

Perdana Menteri menjelaskan, pelbagai usaha dijalankan kerajaan termasuk meneliti data dan perkembangan terkini COVID-19 di negara ini setiap hari.

“Saya bermesyuarat setiap hari bagi membincangkan kes COVID-19 di seluruh negara. Semua (data COVID-19) kita perhalusi dan teliti.

“Saya cakap macam ni kerana tanggapan segelintir masyarakat kita, seolah-olah kerajaan tidak berusaha bersungguh-sungguh nak tangani masalah ini (CO-

VID-19) kerana ia masih menular.

“Kerajaan Perikatan Nasional (PN) berusaha bersungguh-sungguh. Kalau dibandingkan peratusan negara kita dengan yang lain, kita jauh lebih rendah dan kecil berbanding negara maju,” katanya ketika merasmikan majlis penyampaian sumbangan sempena Ramadan Parlimen Pagoh di sini, semalam.

Yang turut hadir, isterinya, Puan Sri Noraince Abdul Rahman; EXCO Hal Ehwal Agama Islam Johor, Tosrin Jarvanthi; dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Kepong, Datuk Dr Sahrudin Jamal.

Terdahulu, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh menyertai bacaan Yasin, tahlil dan menuaikan solat Asar di Masjid Jamek Haji Muhammad Yassin, di sini.

Perdana Menteri memberi jaminan vaksin yang diberi menerusi Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan adalah selamat dan sudah melalui ujian agensi khas.

“Jangan bimbang, vaksin yang diberi kerajaan selamat digunakan kerana ia diuji Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) yang membuat ujian saintifik.

“Vaksin yang kita guna dijamin selamat berkesan, efikasi vaksin tinggi dan sebagainya, itu sebab kita laksanakan pelan imunisasi berkenaan,” katanya.



Muhyiddin menerima replika cek daripada Ketua Eksekutif Waqaf An-Nur Corporation Bhd, Bukhari Abd Rahman (kanan) pada majlis penyampaian sumbangan sempena Ramadan Parlimen Pagoh, semalam. (Foto BERNAMA)

Beliau turut meminta rakyat bersabar dan tidak menyalahkan kerajaan berikutan kelewatan penerimaan vaksin berikutan tiada syarikat sanggup membekalkan 66 juta dos untuk lebih 30 juta rakyat Malaysia.

“Kira-kira 10 juta rakyat sudah mendaftar pengambilan vaksin di aplikasi MySejahtera, namun vaksin yang kita terima tidak mengikut jadual.

“Apa yang penting kita berusaha keras untuk melandaikan keluk COVID-19 negara supaya dalam tempoh tidak terlalu panjang, kita dapat hidup seperti biasa semula,” katanya.

Terdahulu di **Putrajaya**, Muhyiddin menyatakan iltizam kerajaan untuk terus menerapkan pelbagai langkah tepat bagi mencapai keseimbangan antara melindungi nyawa dan mata pencarian rakyat di negara ini yang terjejas akibat penularan COVID-19.

Perdana Menteri berkata, pentadbirannya juga akan melakukan segala upaya untuk menghidupkan kembali ekonomi dan mengembalikan rakyat ke pasaran kerja.

“Sejak awal, kerajaan mengambil pendekatan menyeluruh iaitu 6R dalam mengimbangi antara kelangsungan hidup rakyat dan pemulihan ekonomi negara.

“Ketika ini, negara berada da-

lam fasa kelima iaitu *Revitalize* atau memperkasa ekonomi negara,” katanya ketika menyampaikan Amanat Perdana Menteri sempena Lawatan ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC) di sini, semalam.

Yang hadir sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Timbalannya, Datuk Rosol Wahid dan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Sebelum ini, Muhyiddin mengumumkan enam strategi untuk mengawal wabak COVID-19 dan pemulihan ekonomi negara, membabitkan ketegasan (*resolve*), membina ketahanan (*resilience*), menjana semula (*restart*), pemulihan (*recovery*), memperkasa atau (*revitalize*) dan menyusun semula (*reform*).

Perdana Menteri berkata, aspek penting terhadap pemulihan ekonomi negara adalah tahap kejayaan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), yang kini memasuki fasa kedua.

“Alhamdulillah, segala perancangan program vaksinasi negara kini berjalan lancar dan sasaran kita ialah untuk memastikan sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk dewasa Malaysia atau ber-

samaan dengan 26.5 juta individu menerima vaksin secara percuma menjelang Februari 2022.

“Langkah ini penting untuk membentuk perlindungan kelompok atau *herd immunity*. Justeru, dengan semakin ramai penduduk di Malaysia mendapat vaksin, saya yakin bahawa kita akhirnya akan dapat menangani wabak ini dengan berkesan.

“Pelaksanaan program imunisasi itu tentunya memberi sinar baharu dan manfaat besar dalam usaha negara memerangi pandemik ini,” katanya.

Beliau berkata, semua pihak perlu bersama berganding bahu dan bangkit untuk menggerakkan momentum ekonomi negara bagi memastikan pertumbuhan yang lebih memberangsangkan.

“Biarpun terkesan dengan pelaksanaan PKP pada 2020 dan awal tahun ini, saya pasti masih ada beberapa pencapaian yang boleh menjadi kebanggaan pada peringkat Kementerian ini.

“Antaranya penggunaan e-dagang secara meluas, terutama dalam sektor perdagangan pengedaran.

“Penggunaan platform dalam talian juga membolehkan perniagaan terus bertahan dan kembali beroperasi bagi memberi perkhidmatan kepada pengguna sepanjang tempoh PKP,” katanya.